



Dr. Amaal Fadhlini Binti Mohamed <fadhlini@umk.edu.my>

NOTIFIKASI PENERIMAAN KARYA UNTUK BUKU COVID-19: NUKILAN DAN REFLEKSI

1 message

Dr. Fairuz A'Dilah Binti Rusdi <fairuz@umk.edu.my>

Sun, Dec 13, 2020 at 2:30 PM

To: "Dr. Amaal Fadhlini Binti Mohamed" <fadhlini@umk.edu.my>, taufiqal255@gmail.com

Assalamualaikum/Salam sejahtera

Muhammad Taufiq Ismail¹ & Amaal Fadhlini Binti Mohamed²

1 Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan

2 Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Sukacita dimaklumkan bahawa manuskrip penulisan kreatif Prof/Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan/ Cik yang bertajuk "Semangat Seorang Pejuang" telah diterima pada 5 Mei 2020 dan kini disahkan untuk diterbitkan dalam buku "COVID-19: NUKILAN DAN REFLEKSI" oleh Penerbit UMK. Buku ini sedang dalam proses penyuntingan dan dijadualkan untuk penerbitan pada awal tahun hadapan.

Terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,

--

Fairuz A'dilah Rusdi

Editor

Buku COVID-19: NUKILAN DAN REFLEKSI

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Universiti Malaysia Kelantan

*** Entrepreneurship is Our Thrust ***

DISCLAIMER: The information in this e-mail and any attachment(s) transmitted with it ("Message") is intended only for the use of the intended recipient(s) and may contain confidential or privileged information. UMK are not responsible for any unauthorized changes made to the information or for the effect of such changes. You are hereby notified that any action in reliance upon, or any review, retransmission, dissemination, distribution, printing or copying of this Message or any part thereof by anyone other than the intended recipient(s) is strictly prohibited. Any opinions, conclusions and other information in this Message that do not relate to the official business of UMK shall be understood as neither given nor endorsed by UMK. UMK shall not be liable for loss or damage caused by viruses transmitted by this Message.



Senarai penyumbang Bab Buku COVID19 Nukilan n Refleksi.pdf

186K

BAB 5: NUKILAN DIARI PUITIS

SEMANGAT SEORANG PEJUANG

Nukilan: Muhammad Taufiq Ismail & Amaal Fadhlini Mohamed

Aku, Al-Taufiq. Aku seorang pejuang barisan hadapan. Aku tidak pulang. Aku dibawa ke Kampus Kota, mula ditempatkan di sana pada tanggal 20 Mac 2020. Sungguh selesa, namun jauh daripada keluarga tercinta. Aku tetap di sini menjadi sukarelawan. Jutaan kenangan telah diukir di sini. Semua manis kerana yang pahit aku lambung ke langit, biar jadi debu yang dibawa angin. Lalu gugur di kaki bukit. Hari-hariku di sini ditempuhi dengan sabar, penuh kata-kata hikmah. Tatkala aku sendiri melayan sepi di malam hari. Pena ini menjadi teman bicara. Buku kecil ini sebagai pendengar setia. Terkadang aku gembira terkadang aku berduka. Hidup di sini penuh pancaroba. Ada kalanya aku tidak kuat. Aku perlu rehat. Namun kugagahkan jua. Setiap hari aku coretkan kata hikmahku di lembaran ini, sebagai pengubat jiwa insan yang bergelar pejuang.

“REHATLAH WAHAI HATI KERANA ENKKAU TERLALU PENAT UNTUK MANUSIA” (AL-TAUFIQ 27/3/2020)

Memang penat dan sakit apabila terpaksa melayan pelbagai karenah manusia yang sukar difahami. Kada-kalanya kami terpaksa mencuri masa untuk mencari semula apa yang telah hilang dari dalam diri walaupun ianya hanya untuk seketika. Disaat melihat yang lain sedang lena dibuai mimpi, kami terpaksa bersengkang mata untuk menyiapkan data dan mengemas kini semua maklumat untuk memudahkan pihak pentadbiran. “CAP JARI PUN BERBEZA, BEGITU JUGA HATI MANUSIA” (AL-TAUFIQ 1/4/2020)

“RINDU BUKAN SEBAB JAUH, TAPI SEBAB DEKAT DALAM HATI” (AL-TAUFIQ 6/4/2020)

Siapa yang tidak rindu pada mereka yang sudah lama tidak bertemu? Bagi kami walaupun jarak dan masa menjadi pemisah untuk kami bertemu dengan orang yang kami sayang tapi biarlah doa menjadi saksi bagi sebuah pertemuan itu. Rindu pada mereka yang telah lama pergi lebih sakit daripada sebuah kehilangan. Alhamdulillah, kami bersyukur kerana mempunyai telefon pintar untuk membuat panggilan video bagi melepaskan rasa rindu

dihati untuk seketika. “RINDU ITU PENYAKIT YANG SUKAR UNTUK DIFAHAMI.”
(AL-TAUFIQ 13/4/2020)

“TANGISAN HARI INI, UNTUK SENYUMAN ESOK HARI” (AL-TAUFIQ 20/4/2020)

Kami sembunyikan sebuah tangisan untuk melihat orang lain tersenyum. Bila hati dan perasaan terlalu penat kami cuba untuk bertahan tetapi ada diantara kami tidak mampu lagi bertahan dan terpaksa metitiskan air mata. Kami cuba dihiburkan dengan gurauan untuk melupakan sementara kesakitan walaupun mata kami yang melihat juga berkaca. Setiap individu mempunyai peranan berbeza tapi tujuan kami semua sama iaitu misi menjaga dan menghantar mahasiswa/I untuk pulang ke pangkuan keluarga masing masing. “SENYUMAN ITU NIKMAT HIDUP YANG TIDAK SEMUA MANUSIA MAMPU HARGAI” (AL-TAUFIQ 27/4/2020)

“DIA TETAP JAGA WALAUPUN SUKAR UNTUK DIHARGAI” (AL-TAUFIQ 28/4/2020)

Kadang kala manusia perlukan sebuah penghargaan bagi meneruskan penat lelah untuk esok hari walaupun sekadar ucapan terima kasih. Kami sebagai sukarelawan sangat bersyukur kerana pihak pentadbiran sangat menghargai usaha yang telah dilakukan. Mereka telah berusaha untuk memenuhi kehendak semua pelajar dalam menjaga kebajikan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. Kami tetap meneruskan usaha dalam memastikan barang keperluan sampai kepada setiap warga UMK walaupun kami dikecam hebat oleh rakan-rakan yang cuba untuk mematahkan usaha kami. Terima kasih untuk semua sumbangan dan penghargaan yang telah diberikan sepanjang 3FASA. “KETAWALAH DALAM KEDUKAAN DAN SENYUM DALAM KESAKITAN”. (AL-TAUFIQ 29/4/2020)

“PERASAAN ITU BERSIFAT SEMENTARA” (AL-TAUFIQ 1/5/2020)

Sepanjang berada disini banyak suka dan duka telah lalui bersama. Perasaan itu menjadi penguat untuk memahami satu sama lain. Perbezaan umur tidak menjadi halangan untuk berkongsi idea, ilmu pengetahuan dan cara dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Sakit hati dan kecewa itu ada bila setiap perancangan yang telah dilakukan terpaksa ditunda dan dibatalkan tetapi kami percaya ada benda yang lebih baik yang DIA aturkan. Setiap perasaan itu bersifat sementara, jadi hargailah setiap detik semasa bersama kerana suatu hari nanti itulah yang menjadi kenangan indah untuk diingati. “AIR MATA BUKAN

TANDA KAU KALAH, TAPI MENANTI MASA UNTUK KEMBALI” (AL-TAUFIQ 1/5/2020)

“BISIKLAH DEKAT HATI SUPAYA BERSABAR ATAS PERPISAHAN SEMENTARA” (AL-TAUFIQ 3/5/2020)

Bersabarlah wahai hati kerana setiap pertemuan pasti ada perpisahan. Pertemuan dan perpisahan telah DIA aturkan. Kita hanya mampu merancang untuk sebuah pertemuan tapi kita tidak mampu mengubah setiap perpisahan manusia dengan dunia. DIA tahu apa yang terbaik untuk kita dan DIA tahu masa yang sesuai untuk menemukan kembali antara dua insan yang terpisah. “WALAUPUN SEKETIKA PASTIKAN IA BERKAT” (AL-TAUFIQ 4/5/2020)

“KITA DICIPTA BUKAN PENCIPTA” (AL-TAUFIQ 6/5/2020)

Jangan guna kuasa, pangkat dan gelaran untuk mencari kesenangan hidup. Sehebat mana pun seseorang manusia, tidak ada gunanya semua itu jika hanya mahu menjadikan mereka dibawah sebagai hamba dan kuli. Mereka juga mempunyai tanggungjawab masing-masing tapi tidak berani untuk melawan kembali kerana masih ada rasa hormat dalam diri. Ego tidak mampu menjadikan seseorang itu untuk kekal dihormati. Ingatlah itu semuanya pinjaman di dunia. Semua itu mampu hilang sekelip mata tanpa engkau sedar dan bila bila sahaja manusia lain boleh mengambil itu semua dari diri kita. “KEBAIKAN TIDAK MEMERLUKAN RUPA DAN KEDUDUKAN” (AL-TAUFIQ 7/5/2020)

“DIA TAHU ENKKAU SEDIH, TAPI DIA JUGA TAHU YANG ENKKAU KUAT” (AL-TAUFIQ 10/5/2020)

Kadang kala membuat sesuatu keputusan tidak semudah yang disangka. Aku cuba untuk tidak merasa menyesal terhadap sesuatu keputusan. Aku diberi peluang untuk balik bertemu keluarga tapi hati aku seperti berbisik supaya kekal berada disini. Aku juga ingin balik seperti mereka semua tapi aku juga mahu kekal bersama disini sehingga semuanya selesai. Setiap manusia ingin bersama orang tersayang di pagi hari lembaran Aidilfitri. Ketika melihat bas yang sepatutnya aku naik untuk balik, tiba tiba hati aku terasa sayu dan sepi. Aku cuba untuk kekal dengan pendirian untuk kekal dimana berada dan menjaga mereka seperti sekarang. Setiap yang berlaku ada maksud yang tersirat untuk kita lebih faham. “AWAK, ADA MANIS UNTUK SETIAP KESAKITAN.” (AL-TAUFIQ 12/5/2020)

“BILA KITA JAGA ORANG LAIN, DIA AKAN JAGA ORANG YANG KITA SAYANG” (AL-TAUFIQ 14/5/2020)

Aku percaya bila kita jaga sesuatu demi DIA, DIA juga akan jaga apa yang kita sayang. Memang penat untuk menjaga manusia dalam jumlah yang ramai tapi ingatlah setiap titik peluh yang dibalas jua nanti. Sehingga kini mereka terjaga walaupun sudah lama tidak bertemu dan hanya mampu mengirimkan gambar untuk melepaskan rindu. Hatiku sering berkata “Jaga anak kecil itu kerana Dia, bukan kerana aku. Nanti aku akan kembali untuk menjaga ia”

Hari-hari terakhir aku di sini dirasakan sungguh sepi. Mereka yang dulunya menemani di dinihari, telah pulang ke kampung halaman menemui keluarga tercinta. Tiada lagi senda gurau sebagai juadah bersahur. Tiada lagi jeritan padu sebagai lauk berbuka puasa. Tiada lagi gelak tawa rakan-rakan yang pulang awal. Lalu penaku menari lagi di bawah terang bulan. Secebis puisi tercipta lagi buat mengubati hati.

AKU MASIH DISINI

*Dalam senyum aku menangis,
Melihat semua pergi,
Cuba untuk sembunyikan rasa rindu,*

*Biarlah aku disini,
Terima takdirNya,*

*Jangan halang untuk aku terus berada disini,
Kerana ini peluang untuk aku,,
Peluang untuk mencari bekalan,
Yang bakal ku bawa ke Sana.*

-Al-Taufiq, 18/5/2020-

Hari demi hari, ada kala rindu menyapa lagi. Teringat kampung halaman. Senja tadi ini berakhirnya ramadan dan berlabuhlah tirai syawal. Aku masih di sini bersama seorang teman. Ya, aku pejuang terakhir yang masih punya hari yang berbaki. Kosong dan sepi tanah ini. Kedengaran bunyi takbir indah memuji ilahi. Alunannya amat kukenal. Amat asyik dan syahdu di cuping telinga. Irama pembuka 1 Syawal 1441H. Aku terkenangkan keluarga tercinta nun di desa sana. Terkenangkan insan yang tersayang juga nun jauh di benua sana. Lalu penaku menari laju. Kutitipkan kata semangat buat hati sanubari. Tenanglah wahai hati.

AKU PENAT DAN SAKIT

*Di saat perasaan semakin mencengkam jiwa,
Aku memilih untuk bersendirian,
Mungkin aku yang tak sukar untuk bersyukur,
Sebab itu aku sentiasa dijauhkan,*

*Walaupun sakit dan perit,
Biarlah hanya Dia yang tahu,*

*Manusia bukan tempat untuk aku mengadu,
Ketika aku pendam,
Mata aku tetap berkaca dibalik senyuman,
Sujud menjadi saksi,
Air mata menitis dan hati meraung,
Di tengah syahdu malam.*

-Al-Taufiq, 23/5/2020-

Hari ini 3 Syawal 1441H. Dan hari ini hari terakhir aku di sini. Segala amanah telah aku laksanakan dengan seikhlas hati. Sudah tiba masa aku pergi. Bagasi telah aku penuhi, dengan segala rasa dan memori sepanjang aku di sini. Bas universiti sedang menunggu. Semua sedang bersiap rapi. Di bangku kecil itu, sempat aku duduki. Penaku sempat menari lagi di atas lembaran ini. Kali ini tentang matlamat menuju Ilahi.

MUNGKIN INI YANG TERAKHIR

*Hidup cuma sekali,
Tapi aku kejar yang di penghujung,*

*Ramai yang benci aku,
Kerana ucap perpisahan akhir,
Tapi bila aku tuturkan tentang itu,
Membuatkan aku lebih bersemangat,
Mengejar bekalan akhirat.*

*Aku percaya,
Bila kejar akhirat dapat dunia,*

Bila kejar dunia,

Akhirat mulai hilang.

-Al-Taufiq, 26/5/2020-

Lalu namaku dipanggil. Aku lekas pergi. Penaku jatuh menyusuri celah bagasi. Aku senyum. Biarkan penaku jatuh di situ. Tugas ini sudah berakhir. Semua ini menjadi memori tersemat indah di dalam kotak hati. Hingga aku kita ketemu lagi.